



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 3/2024**

**27 MAC 2024 | RABU  
10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.3/2024** bagi bulan **Mac** pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. UCAPAN SELAMAT BERPUASA**

- 1.1 Hari ini merupakan hari ke tujuh belas kita di bulan mulia iaitu Ramadan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada yang beragama Islam.
- 1.2 Semoga Ramadan kali ini kita semua akan sentiasa diberkati oleh Allah SWT dan dihujani kerahmatan daripada-Nya. InsyaAllah.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 29 Februari 2024, MPS berjaya cukai taksiran semasa 2024 sebanyak RM 42.31 juta (72.33%) daripada RM 117 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 2.15 juta (20.16%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.
- 2.3 Setelah tamat tempoh bayaran cukai taksiran penggal 1/2024 pada 29 Februari 2024, pihak Majlis akan memproses notis cukai taksiran (Borang E) kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan dengan caj

lewat sebanyak RM20.00. Notis ini akan tamat pada 31 Mac 2024. Tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak RM100.00 akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan setelah tamat notis.

### **3. PERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS**

3.1 MPS juga telah menaiktaraf portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) bagi peniaga-peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan serta perancang. Disamping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal tersebut. Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Februari 2024 adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 350,135.04  
- 438 transaksi
- Sewaan gerai sebanyak RM 266,597.85  
- 781 transaksi
- Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 48,655.00  
- 58 transaksi
- Kompaun sebanyak RM39,510.00  
- 1,373 transaksi

## **4. BAZAR RAMADAN DI MPS**

- 4.1 Sebanyak 2,383 tapak perniagaan di 32 lokasi bazar Ramadan telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Selayang untuk tahun 2024. Kelulusan kesemua bazar Ramadan ini diberikan kepada pengelola iaitu persatuan peniaga dan juga Jawatankuasa Penduduk (JKP).
- 4.2 Saya ingin mengingatkan semua pengelola dan peniaga bazar Ramadan untuk memastikan aspek kebersihan adalah terjamin dan mematuhi syarat lesen serta SOP yang telah ditetapkan.
- 4.3 MPS juga ingin menyeru kepada para pengunjung bazar Ramadan agar tidak melakukan pembaziran ketika berbelanja dan mengurangkan penghasilan sisa makanan melalui ‘Kempen Jom Makan Sampai Habis’.
- 4.4 Selain itu, dalam memastikan kelestarian alam sekitar dilaksanakan, satu program serahan bekas makanan bertutup telah diadakan dikawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

4.5 Sebanyak 6 lokasi bazar Ramadan telah dipilih melibatkan 1000 unit edaran bekas makanan dan beguna semula kepada pengunjung.

## **5. LAWATAN AUDIT PEMANTAUAN SIRIM MS ISO 9001:2015 DAN ISMS 27001: 2023**

5.1 Saya juga ingin memaklumkan Lawatan Audit Pemantauan 1 SIRIM bagi MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) selama 3 hari telah bermula pada **25 Mac sehingga 27 Mac 2024.**

5.2 Untuk makluman, pada tahun 2023, MPS telah berjaya mengekalkan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti buat kali ke-7 dan kali ke-3 bagi ISMS.

5.3 Hari ini merupakan hari terakhir pengauditan dan saya berharap agar semua Jabatan dapat memberikan kerjasama yang penuh kepada Pasukan Audit SIRIM ISO/ISMS sepanjang tempoh pelaksanaan pengauditan ini agar sesi berjalan dengan lancar.

## **6. PENGOPERASIAN BAS SMART SELANGOR**

- 6.1 Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur MPS Bil.02/2024 yang bersidang pada 7 Mac 2024 telah berbincang dan bersetuju bagi pengoperasian Bas Smart Selangor tahun 2024 diteruskan dengan perkhidmatan operasi bas percuma bagi laluan sediaada mulai 1 April 2024.
- 6.2 Laluan yang terlibat adalah di Laluan MPS1 (Hentian Selayang Mutiara-LRT Gombak) dengan empat (4) unit bas, Laluan MPS2 (Tesco Rawang – Hentian Bas Rawang) dengan tiga (3) unit bas, Laluan MPS3 (Batu Arang – KTM Sungai Buloh) dengan dua (2) unit bas dan Laluan MPS4 (Wangsa Permai – Hentian Stadium Selayang) dengan dua (2) unit bas.
- 6.3 Diharapkan dengan adanya kemudahan perkhidmatan bas percuma ini dapat membantu para penduduk Selayang dalam menjalankan kegiatan seharian dan memudahkan perjalanan mereka.

## **7. PROGRAM MPS SEMPENA RAMADAN**

- 7.1 Sepanjang bulan Ramadan ini, MPS telah menganjurkan pelbagai program antaranya, ceramah agama, Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana, pengagihan pek makanan berbuka puasa dan Program Memasak Bubur Lambuk Peringkat MPS.
  
- 7.2 Pagi tadi juga, Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS dan Anulae MPS telah memberi sumbangan dan bantuan kepada 15 orang staf yang memerlukan berupa wang tunai sebanyak RM 100.00 untuk setiap individu, ditambah dengan barangan keperluan harian yang bernilai RM 150.00.
  
- 7.3 Dan pada hari ini juga (27 Mac 2024), Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS akan menganjurkan Program Ihya' Ramadan Peringkat MPS 2024 di Pusat Jagaan Warga Tua Sri Tanjung, Pusat Jagaan Warga Eas Kaseh Bonda dan 15 buah rumah warga emas di sekitar DUN Taman Templer, Sungai Tua dan Gombak Setia.



- 7.4 Sumbangan berupa wang tunai dan barangan keperluan akan diserahkan kepada dua (2) pusat Jagaan Warga Emas dan 15 orang penerima individu. Semoga juga setiap sumbangan akan dibalas dengan sebaik-baik ganjaran dan mendapat keredhaan daripada Allah SWT.
- 7.5 Untuk makluman juga, kaunter zakat juga akan dibuka mulai 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, pada 25 hingga 27 Mac 2024 dan 1 April hingga 3 April 2024 bertempat di Lobi Kaunter Bayaran Menara MPS. Jika tuan-tuan dan puan-puan belum menunaikan zakat, boleh berbuat demikian bagi melengkapkan rukun Islam yang keempat.

## **8. PERTUKARAN TUAN PMgr Sr ASRAF COB**

- 8.1 Disini juga saya ingin maklumkan bahawa Tuan PMgr Mohd Asraf bin Mat Yajid, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan bertukar ke Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, Negeri Melaka mulai 1 April 2024 setelah 5 tahun 9 bulan berkhidmat di MPS.
- 8.2 Selamat maju jaya diucapkan kepada Tuan PMgr Sr Asraf di tempat baharu dan semoga segala pengalaman yang ditimba di MPS dapat dimanfaatkan

dengan sebaiknya. MPS juga merakamkan jutaan terima kasih di atas segala jasa, komitmen dan dedikasi Tuan PMgr Sr Asraf dalam menjalankan amanah sepanjang berkhidmat di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPS.

## **9. INSENTIF KHAS AIDILFITRI KITA SELANGOR 2024**

9.1 Seperti semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri dalam pemberian Inisiatif Khas Aidilfitri Kita Selangor kepada semua penjawat awam di Negeri Selangor, MPS akan mengagihkan bantuan khas kewangan Aidilfitri tersebut iaitu sebulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada Ahli-ahli Majlis dan semua warga MPS pada 8 April 2024.

9.2 Dikesempatan ini, saya mewakili seluruh warga MPS ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor atas pengumuman ini dan diharapkan insentif ini dapat memberi kelegaan dan menambah semangat kita semua selain meneruskan momentum sedia ada.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah Wasallamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.